

Jika ahli majlis perundingan gagal, kerajaan sendiri buat keputusan — PM

27 AUG 1990

Oleh
Rozaid Abd. Rahman

KLANG 26 Ogos — Kerajaan akan mengambil keputusan sendiri dalam merumus draf terakhir Akta Pendidikan 1990 jika ahli-ahli majlis perundingan akta berkenaan gagal mencapai kata sepakat.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, tindakan tersebut samalah seperti MAPEN.

Bagaimanapun katanya, kerajaan percaya majlis perundingan akta pendidikan akan berjaya mengeneipkan perkara-perkara kecil dan merumuskan kata sepakat dalam draf terakhir.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan bangunan baru Sekolah Tinggi (Persendirian) Pin Hwa di sini petang ini.

Diminta menjelaskan perkara tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir

berkata, jika terdapat ahli-ahli majlis perundingan akta pendidikan yang menarik diri atau gagal mencapai kata sepakat dalam merumuskan draf terakhir kerajaan mahu tidak mahu perlu membuat keputusan terakhir.

'Ya! Sama seperti MAPEN, majlis perundingan akta pendidikan juga perlu mencapai kata sepakat jika mereka mahu syorsyor dan rumusan mereka diterima oleh kerajaan.

"Kita haruslah ingat, kerajaan mewakili rakyat dan jika majlis seperti ini gagal mencapai kata sepakat kerajaanlah yang bertanggungjawab membuat keputusan sendiri," katanya.

Beliau menambah, majlis per-

undingan itu cuma dibentuk untuk memberi peluang kepada kumpulan-kumpulan yang selama ini hanya tahu mengkritik kerajaan, bercakap dan menyatakan pandangan mereka.

Katanya, memanglah agak mudah bagi kumpulan seperti ini menolak pandangan kerajaan tetapi soalnya ialah apakah pendapat mereka juga boleh diterima oleh orang lain.

Anggota-kumpulan majlis perundingan akta pendidikan dijangka bersidang pada 3 September ini jika semua kumpulan yang dijemput bersedia untuk memulakan sidang mereka yang pertama.

Sementara itu ketika berucap di majlis yang sama, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menghapuskan vendidikan dalam bahasa Cina.

Malah, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan tidak mempunyai niat pun untuk berbuat demikian dan oleh itu menegaskan bahawa pendidikan berasaskan bahasa Cina akan selamat selagi kerajaan Barisan Nasional (BN) terus diberi peluang memerintah.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun terdapat undang-undang yang memperuntukkan kuasa kepada menteri untuk menghapuskan sekolah jenis kebangsaan jika difikirkan perlu tetapi kuasa tersebut tidak pernah digunakan sewenang-wenangnya sejak merdeka.

Katanya, pindaan terhadap akta pendidikan yang sedang dirumus sekarang di antaranva adalah bertujuan untuk men& balik kuasa tersebut.